

Personaliti Pilihan : Ir Dr Mohd Asri Ab Rahim

Personaliti Pilihan untuk Buletin Environ edisi kali ini ialah **Ir Dr Mohd Asri Ab Rahim**, Timbalan Dekan (Akademik & Penyelidikan) PPKAS.

Ir Dr Mohd Asri merupakan anak seorang nelayan yang berasal dari negeri Kelantan. Ibunya adalah seorang suri rumah sepenuh masa. Anak pertama dari sembilan orang adik beradik ini memulakan alam persekolahan di Sekolah Kebangsaan Mentuan, Kelantan dari tahun 1971 hingga 1976. Pada tahun 1976 hingga 1977, beliau bersekolah di Sekolah Menengah Raja Sakti, Kedai Lalat atau kini lebih dikenali sebagai Kota Jembal di Kelantan. Semasa berada dalam tingkatan empat dan lima, beliau bersekolah di Sekolah Menengah Teknik Alor Setar, iaitu pada tahun 1980 dan 1981. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran pada peringkat Ijazah (BSc Civil Eng) dan Master (MSc Civil Eng) di University of Texas at El Paso, Texas pada tahun 1987 dan 1989. Pada tahun 1994, melanjutkan pelajaran pada peringkat PhD di Texas Tech University, Lubbock, Texas.

Ikutilah temubual Buletin Environ (BE) bersama Ir Dr Mohd Asri Ab Rahim.

BE : Boleh Dr ceritakan serba sedikit tentang keluarga Dr.


Dr Asri : Saya mempunyai anak seramai lima orang. Isteri saya, Dr Siti Norezam Othman adalah seorang pensyarah kanan di COB, UUM, Sintok. Bila ada masa terluang kami sekeluarga suka berkebun dan memelihara ikan di rumah. Saya juga ada menternak ayam dan angsa. Selepas ini saya bercadang untuk memelihara kambing pula.

BE : Apakah tugas Dr di PPKAS?

Dr Asri : Saya memulakan kerjaya di UniMAP pada 7 Ogos 2008 sebagai Pensyarah Kanan di PPKAS. Pada November tahun yang sama, saya dilantik sebagai Pengerusi Rancangan bagi Kejuruteraan Bangunan. Pada 1 Mac 2009, saya memulakan tugas sebagai Timbalan Dekan Akademik dan Penyelidikan di PPKAS bagi menggantikan Encik Saiful Azhar Saad yang sedang cuti belajar.

BE : Latarbelakang pekerjaan Dr sebelum melangkah ke UniMAP?

Dr Asri : Saya pernah berkhidmat dengan syarikat perunding kejuruteraan iaitu Perunding Bersatu, sebagai Ketua Unit Geoteknik. Saya berpengalaman menguruskan pelbagai projek kejuruteraan awam meliputi lebuh raya, lapangan terbang, penjara, stesen jana kuasa dan sebagainya. Saya pernah berkhidmat sebagai Juruaudit Geoteknik kepada pelbagai projek pembinaan jalan raya di bawah JKR. Pada tahun 2006, saya menyertai Fakulti Pengurusan Teknologi UUM sebagai Pensyarah dalam bidang Pengurusan Projek dan Pembinaan.



BE : Penyelidikan yang dijalankan?

Dr Asri : Saya bercadang menumpukan penyelidikan dalam bidang binaan dan juga teknologi pembinaan. Saya juga berminat dalam bidang rawatan air seperti yang melibatkan tanah benchah.

BE : Apakah harapan Dr terhadap PPKAS dan semua pelajar di PPKAS?

Dr Asri : Saya ingin melihat pelajar UniMAP dapat menguasai ilmu kejuruteraan dengan baik beserta nilai-nilai seperti prihatin terhadap alam sekitar, kerja keras, sedia berkorban dan sebagainya. Hanya dengan cara ini pelajar UniMAP dapat menempah tempat di dalam kerjaya dan masyarakat dan sentiasa bergerak maju mengesal pembanguan negara. Kita tidak mahu lahirkan jurutera yang lemah dari segi ilmu, lebih teruk lagi bila lemah sahsiah. Kita mahu melihat mereka menjadi *problem solver* dan setiap *solution* yang dikedepankan mengambilkira keperluan lain seperti alam sekitar dan masyarakat. Saya ingin lihat PPKAS sentiasa giat dalam penyelidikan dan dapat mengeluarkan penemuan, penerbitan yang berkualiti dan memberi manfaat melebihi dari tahap yang telah ditetapkan dalam KPI.

Pada waktu yang sama saya ingin lihat kakitangan akademik terus meningkatkan kekuatan masing-masing sehingga PPKAS bukan setakat dikenali di UniMAP, bahkan di luar sana. Kita mungkin dapat wujudkan pusat-pusat kecemerlangan seperti Water Resources Center, Building Engineering Research Station dan institusi-institusi yang mempunyai fungsi yang spesifik di mana penyelidikan dapat dijalankan bukan saja pada tahap *laboratory works* tetapi ke tahap *prototype* atau ke tahap *testing and commissioning* dalam projek sebenar. Saya tidak ada strategi yang khusus, namun saya melihat apa yang telah dan sedang diperkenalkan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di UniMAP adalah akan membawa kejayaan kepada pelajar.

BE : Akhir sekali, apakah prinsip hidup Dr?

Dr Asri : Sayang diri, sayang keluarga, sayang sahabat, bersyukur dengan apa yang ada dan tak takut nak cuba sesuatu yang baru.

BE : Terima kasih Dr kerana sudi meluangkan masa.

Dr Asri : Sama-sama.